

08 MAY 1996

Kongres-Sambilan

KONGRES PEKERJA MAHU GARIS PANDUAN BAGI PEKERJA SAMBILAN

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mencadangkan kerajaan menyediakan satu garis panduan mengenai pengambilan pekerja sambilan untuk memastikan kebajikan pekerja penuh masa tidak terjejas.

Presidennya, Encik Zainal Rampak berkata garis panduan itu perlu supaya majikan tidak memberi keutamaan kepada pekerja sambilan ketika mereka "mengalami kesusahan."

Menurut beliau, kesatuan itu telah menyatakan keraguannya terhadap usaha-usaha mengkaji semula Akta Kerja 1995 yang berhubung dengan pengambilan pekerja sambilan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7).

Zainal berkata demikian kepada pemberita di akhir simposium susulan Majlis Kesatuan Sekerja Asean (ATUC) kepada Deklarasi CEBU 1994 di sini, hari ini.

"Kami bersetuju supaya pekerja sambilan terutamanya wanita diberi peluang dengan sebaiknya, tetapi pada masa yang sama kami juga bimbang pekerja sepenuh masa tidak akan diberi keutamaan dalam masa-masa kesusahan," kata Zainal yang juga timbalan presiden ATUC.

Di waktu-waktu senang, majikan akan mengambil pekerja-pekerja sambilan, tetapi apabila waktu susah datang majikan mungkin menmgambil lebih banyak pekerja sambilan untuk mengurangkan kos dan ini akan menghalang peluang pekerja sepenuh masa.

Isnin lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh di Parlimen, berkata Akta Kerja 1995 sedang dikaji semula untuk membolehkan ramai lagi wanita diambil sebagai pekerja sambilan.

Zainal berkata kongres itu juga tidak setuju dengan langkah kerajaan untuk membolehkan kakitangannya membuat kerja sambilan kerana ini bertentangan dengan undang-undang buruh. -- BERNAMA

ARA WAT PR